

MEDIA STATEMENT

IDEAS calls for full details on PERKUKUH to reform Malaysia's GLICs

Kuala Lumpur, 25 August 2021 - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) welcomed the government's announcement of the Perkukuh Pelaburan Rakyat (PERKUKUH) programme on August 12th, but calls for more disclosure on what the programme entails. PERKUKUH is designed to reform the mandate and roles of Malaysia's government-linked investment companies (GLICs) in order to align them with the national agenda and to support the country's economic recovery plan.

Research by IDEAS on GLIC shareholdings in Malaysia's top 100 public listed companies highlighted the outsized role they place in Malaysia's economy. The report "*GLIC Footprint in the Private Economy: Sectoral Concentration and Policy Dilemma*" found that GLICs hold high equity shareholdings in capital-intensive sectors such as telecommunications and media, transportation and logistics, as well as utilities.

As observed by IDEAS CEO Tricia Yeoh, "The high concentration of GLIC shareholding in the same companies, such as the 78.6% cumulative stake held by Khazanah, EPF, KWAP, LTH and PNB in telecommunications company Axiata, or GLICs' near majority stake in Malaysia Airports, raises concerns about whether the outsized GLIC footprint in these industries ultimately poses concentration risks to their depositors given that their savings have investment exposure to similar company profiles."

IDEAS thus welcomed measures under PERKUKUH to differentiate between sovereign wealth funds (SWF) and institutional investors, as it will enable the latter to maximise investment returns, including diversifying abroad, while SWFs will be able to invest in strategic sectors while acting as stabilisers in the local financial market. The review of golden shares is also welcomed to improve transparency in GLIC governance.

As stated by Tricia Yeoh, "While GLICs have long contributed to the economic development of Malaysia, their performance and contributions have not been sufficiently measured, monitored and improved upon. PERKUKUH is a welcome initiative by the government to strategically streamline and strengthen our GLIC and GLC ecosystem in Malaysia. However, we must stress that there must be political will to extricate unnecessary political influence from all government-related entities, or any reform measures would come to naught."

IDEAS also called for the programme announcement to be accompanied by a policy document which would detail how the key outcomes will be achieved and how the 20 key initiatives will be implemented through 2024.

--- END ---

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

For enquiries, please contact:

Zokhri Idris, Ph.D

External Relations Director

zokhri@ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

Perincian penuh PERKUKUH diperlukan untuk pembaharuan GLIC

Kuala Lumpur, 25 Ogos 2021 - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) mengalu-alukan pengumuman kerajaan tentang program Perkukuh Pelaburan Rakyat (PERKUKUH) pada 12 Ogos, dalam masa yang sama menyeru untuk pendedahan maklumat yang lebih mendalam berkaitan program tersebut. PERKUKUH direka untuk memperbaharui mandat dan peranan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) Malaysia supaya sejajar dengan agenda nasional serta menyokong pelan pemulihan ekonomi negara.

Kajian oleh IDEAS berkenaan pegangan saham GLIC dalam 100 syarikat disenarai awam teratas di Malaysia menyerlahkan peranan GLIC yang terlalu besar dalam ekonomi negara. Laporan bertajuk "*GLIC Footprint in the Private Economy: Sectoral Concentration and Policy Dilemma*" mendapati bahawa GLIC memegang saham ekuiti yang tinggi dalam sektor berintensif modal seperti telekomunikasi dan media, pengangkutan dan logistik serta utiliti.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Tricia Yeoh, "Penumpuan pegangan saham GLIC yang tinggi dalam pelbagai syarikat yang sama, seperti 78.6% pegangan saham terkumpul oleh Khazanah, KWSP, KWAP, LTH dan PNB dalam syarikat telekomunikasi Axiata, atau pegangan saham hampir majoriti dalam Malaysia Airports, menimbulkan kebimbangan sama ada keterlibatan GLIC yang terlalu besar dalam industri tersebut akhirnya akan menghadirkan risiko kepada pendeposit mereka kerana wang simpanan mereka terdedah kepada pelaburan dalam syarikat berprofil sama."

IDEAS oleh itu mengalu-alukan langkah yang diperkenalkan di bawah PERKUKUH demi membezakan *sovereign wealth funds* (SWF) dan pelabur institusi. Hal ini akan membenarkan pelabur institusi memaksimumkan pulangan pelaburan, termasuk mempelbagaikan pelaburan luar negara. Manakala SWF pula akan dapat melabur dalam pelbagai sektor strategik di samping bertindak sebagai penstabil di dalam pasaran kewangan tempatan. Kajian semula ke atas saham kencana juga dialu-alukan demi meningkatkan ketelusan dalam tadbir urus GLIC.

Tricia Yeoh berkata, "GLIC telah lama menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia, namun prestasi dan sumbangan syarikat-syarikat ini tidak diukur, diawasi dan ditambah baik dengan secukupnya. PERKUKUH adalah satu inisiatif kerajaan yang perlu disambut baik kerana dapat memperkemas serta memperkukuhkan GLIC dan ekosistem GLIC di Malaysia secara strategik. Walaupun begitu, kami menekankan bahawa kesungguhan politik diperlukan untuk membebaskan semua entiti berkaitan kerajaan daripada pengaruh politik yang tidak wajar. Jika tidak, semua langkah pembaharuan akan menjadi sia-sia."

IDEAS juga menyeru agar pengumuman program ini akan disusuli dengan satu dokumen dasar yang akan memperincikan kaedah mencapai hasil-hasil penting dan pelaksanaan 20 inisiatif utama menjelang tahun 2024.

--- TAMAT ---

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Zokhri Idris, Ph.D

Pengarah, Perhubungan Luar

zokhri@ideas.org.my